



The Observer

28.06.2019

TANDAKAN KALENDAR ANDA

**ANUGERAH TADBIR URUS KORPORAT MSWG-ASEAN 2018
AKAN DIADAKAN DI HOTEL MAJESTIC, KUALA LUMPUR
PADA HARI RABU, 31 JULAI 2019**

Penemuan dan keputusan tahap Tadbir Urus Korporat syarikat tersenarai awam di Malaysia yang menggunakan Metodologi Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN akan diumumkan diikuti majlis penyampaian anugerah bagi mengiktiraf syarikat-syarikat yang menunjukkan tahap amalan tadbir urus korporat yang tinggi.

Kami mengharapkan penyertaan dan sokongan anda pada majlis tersebut.

PESANAN PENGANALISIS

Ketidakhadiran Pengarah Dalam Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) bukan sahaja wajib diadakan malah tidak dapat dinafikan salah satu mesyuarat paling penting bagi syarikat tersenarai pada tahun kewangan. Ia berfungsi sebagai platform bukan sahaja untuk pemegang saham mengambil tahu hal ehwal syarikat tetapi juga membuka peluang kepada pemegang saham untuk membangkitkan soalan, komen dan cadangan tentang perniagaan syarikat kepada lembaga pengarah dan pihak pengurusan.

Berlalu sudah zaman yang menyaksikan pemegang saham berdiam diri seribu bahasa, apatah lagi melontarkan persoalan, komen atau cadangan yang bernas. Lembaga Pengarah zaman sekarang perlu keluar dari zon selesa dan bersedia untuk berhadapan standard persoalan yang diutarakan dan kualiti isu yang dibangkitkan oleh pemegang saham. Kami pernah mendengar cadangan pemegang saham diterima baik oleh Lembaga Pengarah.

Lagipun, inilah satu-satunya peluang bagi para pemegang saham bertemu Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan.

Melihat kepentingan AGM maka sememangnya wajar pengarah dan kakitangan pengurusan utama menghadiri mesyuarat dan bersedia untuk menjawab secara terperinci soalan-soalan yang dibangkitkan oleh pemegang saham. Kehadiran penuh kesemua lembaga pengarah adalah penting kerana ini menunjukkan komitmen dan akauntabiliti mereka terhadap mandat yang diamanahkan oleh pemegang saham kepada mereka.

Ketidakhadiran pengarah hanya dibenarkan atas sebab-sebab yang sah seperti faktor kesihatan dan hal-hal lain yang tidak dapat dielakkan. Selain sebab-sebab yang dinyatakan, pemegang saham mengharapkan kehadiran penuh ahli lembaga dalam AGM.

Akta Syarikat 2016 memerlukan syarikat awam (termasuk syarikat tersenarai kerana kesemuanya adalah syarikat awam) untuk mengadakan AGM mereka dalam tempoh enam bulan dari akhir tahun kewangan syarikat. Notis AGM pula perlu dikeluarkan sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh AGM.

Selalunya tarikh AGM ditetapkan lebih awal daripada tempoh 6 bulan. Oleh itu, para pengarah mempunyai masa yang mencukupi untuk melapangkan tarikh tersebut dan menyusun semula urusan mereka yang lain.

Namun masih terdapat kes pengarah yang tidak menghadiri AGM tanpa meminta maaf dan/atau tanpa memberikan alasan yang munasabah di atas ketidakhadiran mereka. Pernah juga berlaku, pengarah yang memohon pelantikan semula tidak hadir dalam AGM.

Kejadian ini boleh menimbulkan kemarahan atau rasa tidak puas hati dalam kalangan pemegang saham dan ada kes yang mana pemegang saham mempersoalkan alasan di sebalik ketidakhadiran seseorang pengarah terutama jika mereka ingin mendapatkan kelulusan daripada pemegang saham untuk pemilihan semula atau pelantikan semula.

Penulis pernah menghadiri AGM sebuah syarikat yang beribu pejabat di Johor dan mendapati salah seorang pengarah eksekutif tidak hadir dalam mesyuarat tersebut. Apabila ditanya mengenai perkara itu, seorang pengarah bebas syarikat tidak mengendahkan kebimbangan itu malah menyatakan perkara yang paling penting kepada pemegang saham adalah kehadiran pengarah urusan syarikat itu yang juga pemegang saham utama syarikat.

Pengarah eksekutif adalah pekerja sepenuh masa syarikat yang dibayar gaji. Maklum balas sedemikian tidak memberikan tanggapan yang baik tentang pengarah bebas berkenaan dan juga tidak menghormati pemegang saham yang hadir.

Agak mengejutkan dan luar biasa apabila pengarah bebas yang memberi maklum balas dan bukannya Pengerusi yang sepatutnya menjelaskan alasan

di atas ketidakhadiran pengarah eksekutif. Selain itu, seorang pengerusi yang baik tidak akan mengabaikan pertanyaan sedemikian dan sebaliknya, beliaulah yang sepatutnya memberikan alasan yang kukuh di atas ketidakhadirannya, jika ada.

Dalam kejadian lain, terdapat seorang pengarah eksekutif yang tidak hadir dalam AGM selama empat tahun berturut-turut. Sebab-sebab yang diberikan di atas ketidakhadiran sebahagian besarnya berkisar tentang komitmen kerja, hal keluarga dan keadaan kesihatan diri. Pengarah itu telah dipilih untuk pelantikan semula semasa mesyuarat agung.

Kita memahami jika ketidakhadiran itu disebabkan faktor kesihatan tetapi jika seseorang pengarah tidak menghadiri AGM selama beberapa tahun berturut-turut dengan memberikan alasan yang berbeza, kita mungkin mempertikaikan sikap acuh tak acuh serta komitmen mereka sebagai pengarah.

Menurut Laporan Amalan AGM oleh Syarikat-syarikat Malaysia yang diterbitkan oleh MSWG pada 2015, dapatan daripada kehadiran dan penilaian wakil korporat MSWG dalam 261 AGM:

- 70% daripada AGM mencatatkan kehadiran penuh kesemua pengarah;
- 78% daripada AGM mencatatkan ketidakhadiran pengarah, dan Pengerusi secara sukarela menjelaskan sebab-sebab ketidakhadiran mereka; dan
- 89% daripada AGM mencatatkan kehadiran pengarah yang ingin dilantik semula

Data di atas menunjukkan terdapat sekurang-kurangnya 30% daripada AGM yang tidak mencatatkan kehadiran penuh pengarah syarikat. Lembaga pengarah syarikat tersenarai perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mencegah atau sekurang-kurangnya meminimumkan ketidakhadiran pengarah dalam AGM.

Walaupun jadual mereka sibuk dan mempunyai komitmen lain, semua ahli lembaga pengarah sesebuah syarikat perlu berusaha keras untuk hadir dalam AGM yang diadakan setahun sekali. Ini juga selaras dengan Amalan 12.2 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang menghendaki semua pengarah menghadiri Mesyuarat Agung.

Tahap komitmen lembaga pengarah akan meningkatkan persepsi para pemegang saham terhadap keikhlasan dan komitmen mereka.

Oleh: Lim Cian Yai

TINJAUAN MINGGUAN AGM/EGM MSWG UNTUK TEMPOH 1 SEHINGGA 5 JULAI 2019

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
03.07.19 (Rabu) 10.00 pagi	Comintel Corporation Bhd (AGM)	Holiday Villa Subang, No. 9, Jalan SS12/1, Subang Jaya
03.07.19 (Rabu) 10.00 pagi	Sapura Resources Bhd (EGM)	Sapura @ Mines, No. 7, Jalan Tasik, The Mines Resort City, Sri Kembangan

Salah satu perkara untuk diajukan:

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Comintel Corporation Bhd (AGM)	Pelaburan lain dalam bentuk unit amanah menyumbang 60% daripada jumlah aset Kumpulan pada TK2019 berbanding 0.24% pada TK2018. Apakah rasional dan rancangan Syarikat untuk pelaburan ini? Apakah jenis kelas aset yang dilaburkan dalam unit amanah ini?

SENARAI PEMERHATIAN MSWG

ASIA MEDIA GROUP BERHAD

- **NOTIS KHAS UNTUK MENYINGKIRKAN PARA PENGARAH AMEDIA MENURUT SEKSYEN 206 YANG BACA BERSAMA-SAMA SEKSYEN 322 AKTA SYARIKAT 2016 (“AKTA”); DAN**
- **NOTIS UNTUK MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG AHLI-AHLI SYARIKAT MENURUT SEKSYEN 310(b) AKTA.**

Lembaga Pengarah Asia Media Group Berhad (AMEDIA) mengumumkan Syarikat pada 25 Jun 2019 telah menerima Notis Khas mengenai Penyingkiran Pengarah dan Pelantikan Pengarah serta Notis Mesyuarat Agung Luar Biasa yang akan diadakan pada 25 Julai 2019 daripada enam (6) pemegang saham Syarikat yang memegang sekurang-kurangnya sepuluh peratus daripada jumlah modal diterbitkan Syarikat yang membawa hak mengundi dalam mesyuarat agung Syarikat pada tarikh penyerahan Notis Khas tersebut.

Sekumpulan pemegang saham membuat cadangan untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi menyingkirkan Chow Zee Neng, Dato' Wong Shee Kai, Ong Kar Kian, Paul Jong Jun Hian dan Ong Chooi Lee daripada Lembaga Pengarah AMEDIA.

Sementara itu, mereka mencadangkan untuk melantik Dato' Prof Raja Munir Shah bin Raja Mustapha, Yap Ping Tiong, Datuk Kang Hua Keong dan Datuk Chiw Tiang Chai sebagai pengarah Syarikat dalam EGM yang akan datang.

Sumber: <http://www.bursamalaysia.com/market/listed-companies/company-announcements/6202513>

BERJAYA MEDIA BERHAD (“BMEDIA” ATAU “SYARIKAT”)

LANJUTAN MASA UNTUK MENYERAHKAN RANCANGAN REGULARISASI DI BAWAH NOTA AMALAN 17 KEPERLUAN PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

AmlInvestment Bank Berhad (“AmlInvestment Bank”) bagi pihak Lembaga Pengarah BMedia, ingin mengumumkan bahawa Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Sekuriti”) melalui suratnya bertarikh 25 Jun 2019, memberikan Syarikat lanjutan masa sehingga 20 Disember 2019 untuk mengemukakan pelan regularisasi (“Pelan”) kepada pihak berkuasa pengawalseliaan tertakluk pada BMedia menandatangani perjanjian muktamad dengan firma wira yang dicadangkan selewat-lewatnya 20 Oktober 2019.

Lanjutan masa yang disebutkan itu tidak menjejaskan hak Bursa Securities untuk meneruskan penggantungan perdagangan sekuriti tersenarai BMedia dan untuk menyahsenaraikan Syarikat jika:-

1. Syarikat gagal menandatangani perjanjian muktamad tersebut sebelum 20 Oktober 2019;
2. Syarikat gagal menyerahkan Rancangan kepada pihak berkuasa pengawalseliaan pada atau sebelum 20 Disember 2019;
3. Syarikat gagal mendapatkan kebenaran daripada mana-mana pihak berkuasa yang diperlukan untuk melaksanakan Pelan; dan
4. Syarikat gagal melaksanakan Rancangan dalam tempoh masa atau tempoh masa yang dilanjutkan yang ditetapkan oleh mana-mana pihak berkuasa pengawalseliaan.

Apabila berlakunya mana-mana kejadian yang dinyatakan dalam 1 hingga 4 di atas, Bursa Sekuriti akan menggantung perdagangan sekuriti tersenarai BMedia pada hari ke enam pasaran selepas tarikh pemberitahuan penggantungan oleh Bursa Securities dan menyahsenaraikan Syarikat, tertakluk pada hak Syarikat untuk merayu terhadap penyahsenaraian tersebut.

Pengumuman ini bertarikh 26 Jun 2019.

Sumber: <http://www.bursamalaysia.com/market/listed-companies/company-announcements/6202861>

SUIWAH CORPORATION BERHAD

Sila ambil perhatian perdagangan saham Syarikat akan digantung berkuat kuasa dari jam 9.00 pagi, Isnin, 1 Julai 2019 yang bertujuan memudahkan pelaksanaan SCR.

Kami menarik perhatian anda kepada pengumuman Syarikat tentang Notis Penutupan Buku bertarikh 21 Jun 2019 dan Notis Kepada Pemegang Saham bertarikh 24 Jun 2019.

Sumber: <http://www.bursamalaysia.com/market/listed-companies/company-announcements/6202853>

PERAK CORPORATION BERHAD PENAMATAN PERJANJIAN PELESENAN DENGAN IMPS S.A.

Kami bagi pihak Lembaga Pengarah Perak Corporation Berhad ("Syarikat") mengumumkan bahawa Animation Theme Park Sdn Bhd ("ATP"), anak syarikat 51% milik tidak langsung Syarikat, pada 20 Jun 2019, telah menerima notis daripada IMPS S.A. untuk menamatkan Perjanjian Pelesenan Taman

Tema yang bertarikh 1 April 2015, sebagaimana yang dipinda oleh addendum bertarikh 30 Mac 2017, dan Perjanjian Pelesenan Barangan bertarikh 1 April 2015 (secara kolektif disebut sebagai "Perjanjian Pelesenan"), yang ditandatangani antara IMPS S.A. dan ATP, berkuatkuasa serta-merta.

IMPS S.A. memilih untuk menamatkan awal Perjanjian Pelesenan berikutan kegagalan ATP menyelesaikan bayaran tertunggak bagi yuran rata dan royalti menurut Perjanjian Pelesenan secara keseluruhannya berjumlah USD248,438.61.

ATP mengambil tindakan mengalihkan kesemua harta intelektual dan tarikan Smurf di Movie Animation Park Studios.

Hak harta intelek yang berkaitan yang diperoleh di bawah Perjanjian Pelesenan yang diklasifikasikan sebagai aset tidak ketara dalam buku ATP mempunyai nilai dibawa berjumlah RM381,453 pada 31 Mei 2019. Jumlah ini bersama-sama inventori berkaitan dan anggaran harga tarikan Smurf bernilai RM2,780,683 akan dihapus kira dalam tahun kewangan semasa.

Pengumuman ini bertarikh 25 Jun 2019.

Sumber: <http://www.bursamalaysia.com/market/listed-companies/company-announcements/6201489>

SENARAI WASPADA MSWG

SYARIKAT PN17

1. APFT BERHAD
2. BARAKAH OFFSHORE PETROLEUM BERHAD
3. BERJAYA MEDIA BERHAD
4. BERTAM ALLIANCE BERHAD
5. BRAHIM'S HOLDINGS BERHAD
6. CHINA AUTOMOBILE PARTS HOLDINGS LIMITED
7. COMINTEL CORPORATION BHD
8. DAYA MATERIALS BERHAD
9. EKA NOODLES BERHAD
10. HB GLOBAL LIMITED
11. KINSTEEL BHD
12. KUANTAN FLOUR MILLS BERHAD
13. MAA GROUP BERHAD
14. MALAYSIA PACIFIC CORPORATION BERHAD
15. MAXWELL INTERNATIONAL HOLDINGS BERHAD
16. MULTI SPORTS HOLDINGS LTD
17. PERISAI PETROLEUM TEKNOLOGI BERHAD
18. SEACERA GROUP BERHAD
19. SUMATEC RESOURCES BERHAD
20. TH HEAVY ENGINEERING BERHAD
21. UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD

SYARIKAT GN3

1. G NEPTUNE BERHAD
2. IDIMENSION CONSOLIDATED BERHAD
3. WINTONI GROUP BERHAD

Sila rujuk pautan di bawah untuk melihat status terkini syarikat-syarikat tersebut:

<http://www.bursamalaysia.com/market/listed-companies/list-of-companies/pn17-and-gn3-companies/>

BERITA PENGAWAL SELIA

Malaysia Capital Market Audit Regulator Issues Annual Report and Annual Inspection Report 2018

Sumber: <https://www.sc.com.my/news/media-releases-and-announcements/malaysia-capital-market-audit-regulator-issues-annual-report-and-annual-inspection-report-2018>

BERITA DAN PERKEMBANGAN DALAM NEGARA

Malaysia moves closer towards natural gas market liberalisation

<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/06/26/malaysia-moves-closer-towards-natural-gas-market-liberalisation/>

Malaysia palm oil price tumbles on lacklustre export data

<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/06/26/palm-tumbles-on-lacklustre-export-data/>

No plan for inheritance tax in Budget 2020

<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/06/26/no-plan-for-inheritance-tax-in-budget-2020/>

Current account surplus unlikely to be threatened

<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/06/26/current-account-surplus-unlikely-to-be-threatened/>

Gamuda accepts govt's offer to take over its toll concession companies

<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/06/27/gamuda-accepts-govt-offer-to-take-over-its-toll-concession-companies/>

BERITA DAN PERKEMBANGAN LUAR NEGARA

Nissan Reappoints Saikawa to Board as Shareholders Hammer Renault

<https://www.nytimes.com/2019/06/25/business/nissan-annual-meeting-ghosn-saikawa.html>

Bitcoin soars past \$13,000 as Facebook's Libra fuels demand

<https://www.reuters.com/article/us-crypto-currencies/bitcoin-soars-past-13000-as-facebooks-libra-fuels-demand-idUSKCN1TR10L>

U.S. Treasury Secretary says U.S., China were close to trade deal: CNBC

<https://www.reuters.com/article/us-usa-trade-china-mnuchin/u-s-treasury-secretary-says-u-s-china-were-close-to-trade-deal-cnbc-idUSKCN1TR1RM>

Trade-War Winner Vietnam Is Now a Target for Trump's Tariffs

<https://www.bloomberg.com/news/articles/2019-06-27/trade-war-winner-vietnam-is-finding-itself-in-trump-s-crosshairs>

PASUKAN MSWG

PASUKAN MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, devanesan@mswg.org.my

Siva Yamini, Ketua, Khidmat Korporat, yamini@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat, banaik.quah@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pemangku Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, linnert.hoo@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, norhisam@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, cheemeng@mswg.org.my

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, elaine.choo@mswg.org.my

Lim Cian Yai, Penganalisis Kanan, Pemantauan Korporat, cianyai@mswg.org.my

Nor Khalidah Mohd Khalil, Penganalisis, Pemantauan Korporat,

khalidah@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali Asia Media Group Berhad.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke corporateservices@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada

maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.

TAMAT./